

# al-Iqyad

JOURNAL OF ISLAMIC AND CONTEMPORARY ISSUES

E-ISSN 2650-1992

**VOL. 8, NO. 2 (2023)**



**Geometrics in the Illumination of Terengganu Quran Manuscript (L.M.N.T 2002.1)**

Omar, M., Ibrahim, M., Abdullah, I., Yaakub, R., Mohd Razali, H., Md Hashim, S. F., Daud, M. Z., & Jakaria, R. B.

1107-1118

**The Relevance of *al-Kay's* Treatment according to the Perspective of Prophetic Hadith**

Usman, A. H., Muhammad Noor, U., & Azwar, A.

1119-1131

**Research on Thematic Exegesis in Malaysia: A Literature Review from 2019 to 2023**

Nasir, N., Hussin, H., Ahmad, M. N., & Qadafy, M. Z.

1132-1145

**Sayyid Quṭb and His Methodology in Dealing with the Verses Related to Prophetic History: An Analytical Study in His Exegesis "Fī Zilāl al-Qur'ān"**

Ismail, M. A., Abuzaed, W. A., & Mohd, N.

1146-1165

**Zakat Capital Assistance Programme for Asnaf Entrepreneurs: Issues and Challenges**

Zuhairah, I. A., Taha, R., Hamzah, M. A., Salleh, Z., Ahmad, N., Azmi, R., & Gambo, M. H.

1166-1177

***al-Kināyah* Approach in Communication of Rasulullah (PBUH)**

Hussin, M., Seman, H. M., Pa, M. T., Sapar, A. A., Mohd Rifain, S. R., & Yoyo, Y.

1178-1192

**The Dignity of *al-Mawḍū'ī's* Approach to Tafsir in the Writing of Tafsir in the Era of Globalization**


Abu Bakar, S., Hussin, H., Wan Abdullah, W. N., & Nur, A.

1193-1204

**The Topics of Islamic Literature in the Literary Works of Yūsuf al-'Azm**

Mohamad Zainol, N. F., Ahmad H. Osman, R., & Abdel Nasser Saeed, S.

1205-1222



Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilisation Studies,  
Universiti Islam Selangor (UIS)**  
Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia  
603-8911 7167 +603-8925 4402  
info@kuis.edu.my  
<https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad>

---

# Martabat Pendekatan Tafsir *Mawḍūʿī* dalam Penulisan Tafsir di Era Globalisasi


*The Dignity of al-Mawḍūʿī's Approach to Tafsir in the Writing of Tafsir in the Era of Globalization*

Sahlawati Abu Bakar, Haziyah Hussin, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, & Afrizal Nur


To cite this article:

Abu Bakar, S., Hussin, H., Wan Abdullah, W. N., & Nur, A. (2023). Martabat pendekatan tafsir mawḍūʿī dalam penulisan tafsir di era globalisasi. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 8(2), 1193-1204. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v8i2.403>

To link this article:

 <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v8i2.403>

Full Terms & Conditions of access and use can be found at:


 <https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/open>

 Published online: 29 December 2023

---

 Submit your article to this journal:  
<https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/about/submissions>

---

 View related articles:  
<https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/issue/archive>

---


## Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.



## Martabat Pendekatan Tafsir *Mawḍūʿī* dalam Penulisan Tafsir di Era Globalisasi

### *[The Dignity of al-Mawḍūʿī's Approach to Tafsir in the Writing of Tafsir in the Era of Globalization]*

Sahlawati Abu Bakar <sup>1\*</sup>, Haziyah Hussin<sup>2</sup>, Wan Nasrudin Wan Abdullah<sup>2</sup>, & Afrizal Nur<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Selangor, MALAYSIA.

<sup>2</sup> Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, MALAYSIA.

<sup>3</sup> Program Studi Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir, Fakultas Ushuluddin, UIN Sulthan Syarif Kasim, Riau, INDONESIA.

\* Corresponding Author: Dr. Sahlawati Abu Bakar. Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Selangor, Malaysia. ✉ sahlawati@kuis.edu.my. ☎ (+60) 019-601 5308. ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0002-9688-7261>.

#### **Keywords:**

Thematic, Faith, Social,  
Environment, Globalization.

#### **ABSTRACT**

*Al-Tafsīr al-mawḍūʿī* also referred to as thematic tafsīr was introduced by tafsīr experts in the early 1970s. Following that, this interpretation method evolved through many ways pioneered by al-mawḍūʿī interpretation luminaries such as al-Farmāwī, al-Kūmmī, 'Abd al-Sattār, Muṣṭafā Muslim, al-Khālīdī, Ziauddin Sardar and others. Although the technique given by these tafsīr figures intends to generate systematic al-mawḍūʿī tafsīr literature, these approaches can also be applied to address difficulties in the globalization period. Therefore, this study took the initiative to describe the al-mawḍūʿī interpretation approach of tafsīr scholars and further discuss these approaches in facing the era of globalization. This study collects data from document sources and analyzes them using the content analysis method. According to the findings of the study, al-mawḍūʿī tafsīr experts apply basic procedures in al-mawḍūʿī tafsīr by establishing themes, collecting verses, determining the relationship between verses and themes, and summarizing verses and themes. Meanwhile, the al-mawḍūʿī interpretation approach can be enabled to address social challenges involving issues of faith, social development, and environmental sustainability in the age of globalization. This study has a great impact in the implementation of establishing a more sustainable community and strengthening civil society's ambitions.

#### **Kata Kunci:**

Tafsir *mawḍūʿī*, Akidah,  
Sosial, Alam sekitar,  
Globalisasi.

#### **ABSTRAK**

Tafsir *mawḍūʿī* yang juga disebut sebagai tafsir tematik mula diperkenalkan oleh ulama tafsir pada awal tahun 1970-an. Selepas itu, metode ini terus berkembang dengan pelbagai pendekatan yang dipelopori oleh tokoh-tokoh tafsir *mawḍūʿī*, seperti al-Farmāwī, al-Kūmmī, 'Abd al-Sattār, Muṣṭafā Muslim, al-Khālīdī, Ziauddin Sardar dan lain-lain. Walaupun pendekatan yang dikemukakan oleh

mereka bertujuan untuk menghasilkan penulisan tafsir *mawḍūʿī* yang sistematis, namun pendekatan ini juga boleh digunakan bagi mendepani isu-isu di era globalisasi. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan pendekatan tafsir *mawḍūʿī* oleh ulama tafsir dan membincangkannya dalam mendepani era globalisasi. Kajian ini menggunakan sumber dokumen sebagai kaedah pengumpulan data dan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati para ulama tafsir *mawḍūʿī* menggunakan pendekatan asas, seperti penentuan tema, pengumpulan ayat, kaitan antara ayat dengan tema dan rumusan ayat dengan tema. Sementara itu, pendekatan tafsir *mawḍūʿī* boleh diperkasakan bagi mendepani isu kemasyarakatan di era globalisasi, seperti akidah, pembangunan sosial dan kelestarian alam sekitar. Kajian ini memberikan implikasi terhadap pembinaan komuniti yang lebih mampan dalam mengukuhkan aspirasi masyarakat madani.

#### ARTICLE HISTORY

Received: September 20, 2023

Accepted: November 28, 2023

Online Published: December 29, 2023

This is an open access article under the CC BY-NC license.



#### To cite this article:

Abu Bakar, S., Hussin, H., Wan Abdullah, W. N., & Nur, A. (2023). Martabat pendekatan tafsir *mawḍūʿī* dalam penulisan tafsir di era globalisasi. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 8(2), 1193-1204. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v8i2.403>

## I. PENDAHULUAN

Pendekatan tafsir *mawḍūʿī* merupakan salah satu aspek yang kian penting dalam pemahaman teks suci al-Quran, terutama dalam menghadapi cabaran era globalisasi yang kompleks seperti yang dibahaskan oleh al-Khālidi (2012), mengenai kaitan tafsir *mawḍūʿī* dengan isu kontemporari. Justeru, pendekatan tafsir *mawḍūʿī* diperlukan bagi mencapai pemahaman yang mendalam terhadap kandungan al-Quran dan pendekatan sistematis digunakan untuk mencapai matlamat ini (Abu Bakar, Hussin, & Wan Abdullah, 2023).

Kajian-kajian mengenai ulama tafsir *mawḍūʿī* telah banyak dilakukan dengan menganalisis pendekatan-pendekatan mereka dalam mentafsirkan al-Quran secara bertema (Ammar, 2004; Lilik, 2011; Muyasaroh, 2015; Yamani, 2015). Kajian ini, akan membincangkan pendekatan tafsir *mawḍūʿī* melalui lensa tokoh-tokoh tafsir, seperti al-Farmāwī, al-Kūmmī, al-Sattār, al-Khālidi dan Ziauddin Sardar. Artikel ini bertujuan untuk membahaskan aspek-aspek pendekatan tafsir *mawḍūʿī* yang mereka kemukakan. Kajian ini menggunakan dokumen sebagai sumber data dan analisis kandungan digunakan sebagai kaedah analisis data. Batasan kajian tertumpu kepada pendekatan tafsir *mawḍūʿī* al-Farmāwī, al-Kūmmī, Muṣṭafā Muslim, al-Khālidi dan Ziauddin Sardar. Selain itu, kajian turut membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan aspek akidah, pembangunan sosial dan kelestarian alam sekitar.

Melalui pemahaman yang lebih mendalam mengenai pendekatan-pendekatan ini, pengkaji tafsir dapat mengapresiasi bagaimana tafsir *mawḍūʿī* mampu memberikan pandangan yang relevan dan holistik dalam membimbing komuniti Muslim dalam menghadapi realiti dunia yang sentiasa berubah. Melalui penilaian jitu terhadap sumbangan ilmiah ini, pendekatan tafsir *mawḍūʿī* tidak hanya relevan, tetapi juga penting dalam membantu umat Islam menyusun panduan kehidupan yang seimbang dan bermakna di tengah-tengah perubahan dunia yang berterusan.

## 2. PENDEKATAN TAFSIR MAWḌŪ'Ī ULAMA TAFSIR


Perkembangan tafsir melalui tiga peringkat, iaitu pada zaman Nabi SAW dan para sahabat, zaman pembahagian 'ulūm al-Qur'ān kepada bidang khusus dan zaman moden (Abu Bakar, Hussin, & Wan Abdullah, 2019). Penulisan kitab-kitab tafsir yang menggunakan pendekatan tafsir *mawḍū'ī* dapat dikenal pasti melalui judul kitab yang digunakan. Kitab-kitab tafsir *mawḍū'ī* dapat dikategorikan kepada tiga, iaitu yang mentafsirkan keseluruhan al-Quran, surah-surah pilihan, atau tema-tema tertentu dalam al-Quran. Kebiasaannya, dalam penulisan kitab tafsir *mawḍū'ī*, penulis tidak menyatakan pendekatan tafsir *mawḍū'ī* dalam kitab dan hanya menumpukan kepada penafsiran ayat-ayat secara *mawḍū'ī* (Abu Bakar et al., 2023). Contoh kitab tafsir *mawḍū'ī* yang meliputi keseluruhan al-Quran adalah *Naḥw al-Tafsīr al-Mawḍū'ī* karya al-Ghazālī (2000). Contoh lainnya adalah kitab *al-Tafsīr al-Mawḍū'ī li Suwar al-Qur'ān* oleh Muṣṭafā Muslim yang mencakup 10 jilid dan diterbitkan pada tahun 2010. Sedangkan contoh penulisan tafsir *mawḍū'ī* pada surah ialah *al-Tafsīr al-Mawḍū'ī al-Muyassar li al-Fātiḥah wa Qaṣr al-Mufaṣṣal* karya al-'Awājī (2018), yang mentafsirkan surah al-Fatihah dan beberapa surah pendek yang lain. Perbincangan seterusnya adalah berkenaan pendekatan *al-Tafsīr al-Mawḍū'ī* yang dikemukakan oleh ulama tafsir *mawḍū'ī*, iaitu al-Farmāwī, al-Kūmmī, Muṣṭafā Muslim, al-Khālīdī dan Ziauddin Sardar.

### 2.1 Pendekatan Tafsir Mawḍū'ī al-Farmāwī dan al-Kūmmī

Al-Farmāwī merupakan salah seorang pelopor awal dalam penulisan tafsir *mawḍū'ī*, di mana prosedur yang dikemukakan lebih bersifat umum dan menyeluruh. Beliau memperkenalkan dua jenis tafsir *mawḍū'ī*, iaitu mengikut tema dan surah. Langkah-langkah yang diajukan oleh al-Farmāwī (1977) dalam tafsir *mawḍū'ī* adalah: pertama, menetapkan tema atau masalah yang hendak dikaji; kedua, mengumpulkan ayat-ayat yang berkaitan dengan tema tersebut; ketiga, menyusun ayat berdasarkan tertib penurunan ayat serta sebab penurunan ayat; keempat, menjelaskan munasabah antara ayat-ayat tersebut; kelima, menyusun perbincangan dalam kerangka yang sempurna; keenam, melengkapkan perbincangan dengan mengemukakan hadis-hadis yang relevan dengan topik yang dibahas; ketujuh, mengkaji ayat-ayat secara menyeluruh dengan memperhatikan aspek persamaan antara ayat, seperti ayat yang bersifat umum, khusus, *muṭlak*, *muqayyad*, dan sebagainya. Langkah-langkah ini dapat dirumuskan seperti Rajah 1 berikut:

#### Rajah 1

Langkah-Langkah Tafsir Mawḍū'ī al-Farmāwī



Pendekatan tafsir *mawḍū'ī* yang diperkenalkan oleh Ahmad al-Sayid al-Kūmmī pula berfokus pada pentafsiran *mawḍū'ī* surah. al-Kūmmī dan Yūsuf Qāsim (1982), menetapkan dua langkah asas dalam tafsir *mawḍū'ī*. Pertama, membentuk surah menjadi satu kesatuan yang sempurna dengan satu matlamat, meskipun terdapat topik yang pelbagai dalam surah tersebut. Topik-topik tersebut harus tertumpu pada matlamat yang sama, baik secara umum ataupun khusus. Sebagai contoh dalam surah Āli 'Imrān, matlamatnya adalah penetapan jalan menuju hak dan keesaan Allah SWT. Oleh kerana itu, semua tema dalam surah ini harus ditafsirkan dengan menumpukan kepada matlamat tersebut.

Kedua, mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang memiliki matlamat yang sama, menyusunnya berdasarkan urutan penurunan dan menjelaskan sebab penurunan ayat jika ada. Selanjutnya, ayat-ayat yang dikumpulkan tersebut ditafsirkan dan mengeluarkan pengajaran berdasarkan ilmu yang benar. Langkah kedua ini digunakan secara menyeluruh dalam kajian tafsir *mawḍūʿī* yang merangkum tema-tema dalam al-Quran. *al-Kūmmī (1982)*, membentangkan prosedur terperinci untuk tafsiran *mawḍūʿī*. Langkah-langkah ini termasuk:

- a. Mengumpul ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan tema melalui hafalan atau merujuk kepada kamus, seperti *al-Mufradāt* oleh *al-Rāghib al-Aṣḥānī*, *Iṣlāḥ al-Wujūh wa al-Nazāʾir* oleh *al-Dāmighānī*, *Muʿjam al-fāz al-Qurʾān al-Karīm* oleh *Mujmaʿ al-Lughah al-ʿArabiyah*, *Tafsīl Āyāt al-Qurʾān al-Karīm* oleh Gul Labum, *al-Mustadrak* oleh Edward Monteih, dan *Muʿjam al-Mufahras li al-fāz al-Qurʾān* oleh Muḥammad Fuʾād ʿAbd al-Bāaḳī.
- b. Menyusun ayat-ayat ini secara tertib penurunan, dengan keutamaan ayat-ayat *Makkiyyah* diikuti dengan ayat-ayat *Madaniyyah*.
- c. Menjelaskan kesalahan atau penyelewengan ayat dengan menerangkan perkara-perkara yang disepakati dalam al-Quran. Ini dilakukan dengan menggabungkan perbezaan pendapat melalui perkara-perkara yang disepakati dalam al-Quran, baik dari segi pemikiran, teori, masa, mahupun tempat.
- d. Mentafsir ayat-ayat dengan tafsiran yang dapat melahirkan kefahaman dan hikmah daripada ayat-ayat tersebut. Penafsiran ini boleh ditambah dengan hadis-hadis, pandangan ulama, *asbāb al-nuzūl* ayat, serta kisah-kisah nabi dan umat terdahulu.
- e. Membincangkan tema secara keseluruhan untuk mencapai matlamat al-Quran sebagai kitab petunjuk yang membantu menyelesaikan masalah individu dan masyarakat Islam.

Walaupun langkah-langkah yang dikemukakan oleh *al-Kūmmī* agak terperinci, secara amnya ia tidak terhad kepada jenis-jenis tafsiran *mawḍūʿī* yang khusus. Terdapat satu langkah iaitu langkah ketiga yang bersifat umum dan tidak khusus untuk tafsiran *mawḍūʿī* tetapi perlu dilakukan untuk mencapai kesatuan tematik yang sempurna (*al-Kūmmī, 1982*). Menurut pengkaji, sebagai salah seorang pelopor dalam bidang ini, langkah-langkah yang dicadangkan oleh *al-Kūmmī* adalah ringkas, umum, dan tidak tertumpu kepada mana-mana jenis tafsiran *mawḍūʿī* tertentu sama ada tema atau surah.

## 2.2 Pendekatan Tafsir Mawḍūʿī al-Sattār

*ʿAbd al-Sattār (1991)*, memperkenalkan dua jenis tafsir *mawḍūʿī*, iaitu *al-tafsīr al-mawḍūʿī al-ʿām* (umum) dan *al-tafsīr al-mawḍūʿī al-khāṣ* (khas). Beliau mencadangkan langkah-langkah *ijmālī* (umum) untuk pendekatan tafsir *mawḍūʿī* tertentu. Pertama, mempunyai pemahaman yang mendalam tentang makna tafsir *mawḍūʿī* khas, iaitu kesatuan tujuan dan makna yang mempunyai hubungan istimewa antara satu tema dengan tema yang lain. Kemudian, tentukan tema al-Quran yang akan dikaji dengan baik dari segi makna. Selepas itu, kumpulkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan tema dan susun mengikut urutan turunnyanya ayat-ayat tersebut sama ada *Makki* atau *Madani*. Seterusnya mentafsirkan ayat tersebut dengan menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan ayat tersebut, seperti sebab-sebab penurunan ayat, hukum yang ditetapkan, *al-naskh* (pembatalan), ayat-ayat umum atau khusus, dan sebagainya. Kemudian, bahagikan tema kepada isu-isu berdasarkan bahagian ayat, kaitkan ayat-ayat kepada isu-isu tersebut secara keseluruhan, dan menyatakan pengajaran ayat. Kesemua langkah ini adalah umum dan ia tidak terikat dengan jenis tafsiran *mawḍūʿī* yang khusus.

*ʿAbd al-Sattār (1991)*, membentangkan pula langkah-langkah tafsiran *mawḍūʿī* secara *tafsīlī* (terperinci). Pertama, pengarang tafsir hendaklah membezakan lafaz yang dipilih dengan kajian lain supaya tidak ada percampuran istilah atau lafaz dengan kajian al-Quran yang lain. Tambahan pula, tajuk-tajuk yang dipilih mestilah bersesuaian dengan fokus kajian, memberi perhatian kepada kewujudan tema atau istilah tersebut dalam al-Quran dan mengekalkan ketekalan makna dalam tema-tema tersebut. Kemudian, langkah-langkah lain termasuk mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan tema, mengumpulkannya berdasarkan *Makki* dan *Madani*, dan latar belakang penurunan ayat dan mentafsir ayat-ayat tersebut mengikut tema. Penulis juga mesti membahagikan tema kepada isu dan bahagian yang berkaitan, mengekalkan kesinambungan antara tema. Akhir sekali, mempraktikkan prosedur tafsir *mawḍūʿī* ini dan membincangkan ayat-ayat terkumpul berkaitan dengan isu dan tema.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa kaedah dan langkah yang dicadangkan oleh al-Sattār merangkumi langkah-langkah *ijmālī* dan *tafsīlī* yang relevan dengan pelbagai jenis tafsiran *mawḍū'ī* kerana ia dijelaskan dalam konteks umum, iaitu tidak terikat dengan jenis tafsir *mawḍū'ī* tema atau surah.

### 2.3 Pendekatan Tafsir Mawḍū'ī Muṣṭafā Muslim

Muṣṭafā Muslim adalah penulis buku *Mabāḥith fī al-Tafsīr al-Mawḍū'ī*. Ulama moden mula mempersoalkan relevansi al-Quran, mengatakan bahawa al-Quran adalah produk lama yang dicipta untuk situasi tertentu. Situasi dan konteks masa kini sangat berbeza daripada pelbagai fenomena baru-baru ini yang muncul dalam arena sosial, politik, dan ekonomi (El-Mesawi, 2005). Di samping itu, al-Quran, sebagai warisan klasik dalam konteks kepelbagaian sejarah dan budaya, telah berada dalam berbagai keadaan. Ini menimbulkan pertanyaan tentang kemampuannya untuk terus relevan dalam menangani isu-isu kompleks yang semakin berkembang di dalam masyarakat. Dalam konteks ini, Hidayatulloh (2018), mengutarakan pertimbangan penting bahawa al-Quran adalah sebuah teks kuno yang kekal dalam bentuknya.

Justeru itu, Muṣṭafā Muslim (2000), berpendapat bahawa terdapat banyak tafsiran al-Quran mengenai fenomena di atas. Pelbagai tafsiran membolehkan al-Quran kekal relevan dengan keadaan yang berubah sepanjang zaman. Ulama terdahulu nampaknya memberikan pelbagai tafsiran kepada satu perkataan atau ayat. Mereka kadangkala melakukan tarjih pada salah satu tafsiran ini, tetapi kadangkala tidak, mengambil kira bahawa perkataan atau ayat tersebut memiliki potensi tafsiran yang pelbagai.

Muṣṭafā Muslim (2000), juga mengemukakan pendapat penting mengenai tafsiran al-Quran bahawa beberapa perkataan yang sama dalam al-Quran boleh mempunyai makna yang berbeza bergantung pada struktur kalimat yang membentuk kata-kata tersebut. Ini dibuktikan oleh Muqātil ibn Sulaymān al-Balkhī dalam kitabnya *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*. Penelitian ini turut dibincangkan oleh Yaḥyā ibn Salām dalam kitabnya *al-Tashārīf* dan al-Rāghib al-Aṣfahānī dalam kitabnya *Mufradāt fī Gharīb al-Qur'ān*. Dalam membicarakan tentang *munāsabāt*, Muṣṭafā Muslim (2000), menunjukkan kefahaman bahawa susunan ayat dalam surah adalah perkara *tawqīfī* yang tidak mempunyai ruang untuk berijtihad mengenainya. Ini berdasarkan riwayat al-Tirmidhī bahawa Zayd ibn Thābit RA berkata: "Kami pernah menyusun al-Quran daripada *al-riqā'* (papan/kain) di sebelah Rasulullah SAW." (al-Tirmidhī, *Kitab al-Manāqib, Bāb Fī Faḍl al-Shām wa al-Yaman*, nombor hadis 3954, *Ḥasan Gharīb*). Ini bermakna Rasulullah SAW hadir dan memberi petunjuk ketika para sahabat menyusun al-Quran (al-Hamidy, 2018). Selain itu, hadis riwayat al-Bukhārī juga membenarkan perkara ini. Dikatakan Ibn Zubair bertanya kepada 'Uthmān RA mengapa dia tidak mengeluarkan surah al-Baqarah [2] ayat 240 padahal sudah dimansuhkan. Maka 'Uthmān RA menjawab, "Wahai anak saudaraku, aku tidak mengubahnya sedikitpun dari tempatnya." (Riwayat al-Bukhārī, *Kitāb al-Tafsīr*, No. Hadis 4658). Berdasarkan hadis ini, Muṣṭafā Muslim (2000), berkeyakinan bahawa susunan ayat dalam al-Quran adalah *tawqīfī* (ketentuan wahyu daripada Allah SWT). Kemudian ia dikumpulkan dan disusun semula supaya dapat difahami sepenuhnya. Ringkasan pemahaman Muṣṭafā Muslim (2000) terhadap al-Quran adalah seperti berikut:

- al-Quran mempunyai pelbagai tafsiran.
- Mengembalikan pemahaman al-Quran kepada al-Quran (*tafsīr al-Qur'ān bi al-Qur'ān*) adalah sesuatu yang penting.
- Beberapa perkataan yang sama dalam al-Quran boleh mempunyai makna yang berbeza bergantung pada struktur ayat yang menyusun perkataan.
- Susunan ayat dalam surah adalah perkara *tawqīfī* yang tidak ada ruang untuk berijtihad mengenainya.

Keempat-empat fahaman ini mendorong Muṣṭafā Muslim memperkenalkan idea tentang kaedah dalam mentafsir al-Quran. Beliau percaya dengan kaedah ini, petunjuk yang terkandung dalam al-Quran dapat diterokai dengan lebih mendalam. Pemahaman ini kemudian mendorong Muṣṭafā Muslim untuk menghasilkan tafsir *mawḍū'ī*, iaitu ilmu mempelajari satu atau lebih surah untuk memahami sesuatu perkara dari sudut *maqāṣid al-Qur'ān*. Muṣṭafā Muslim (2000), menggunakan dua metode bagi menjelaskan tafsir *mawḍū'ī* ini. Metode pertama digunakan untuk meneroka tema-tema dalam al-Quran. Langkah-langkah yang perlu diambil dalam metode ini adalah seperti berikut:

- Memilih tajuk yang berada dalam ruang lingkup tema al-Quran.
- Mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang membincangkan atau mengisyaratkan tema ini.
- Menyusun ayat-ayat berdasarkan masa ia diturunkan.
- Mentafsir setiap ayat daripada pelbagai kitab tafsir *taḥlīlī*, menjelaskan *asbāb al-nuzūl* jika ada, makna setiap perkataan dan penggunaannya, kaitan antara perkataan dalam ayat dan kaitan antara ayat dalam ayat juga.

- e. Meneroka unsur-unsur penting dalam tema berdasarkan perbahasan ayat.
- f. Pengkaji memahami ayat-ayat secara global bagi mendedahkan pelbagai idea dalam penyelidikan ini. Pengkaji tidak seharusnya mencukupkan analisis mereka hanya pada isu linguistik. Walau bagaimanapun, adalah perlu untuk mencari petunjuk lanjut tentang ayat-ayat. Ini boleh dilakukan dengan mempertimbangkan maklumat dalam hadis dan kata-kata sahabat RA.

Metode kedua digunakan untuk mengenal pasti tema dalam surah. Langkah-langkah dalam menggunakan metode ini adalah seperti berikut:

- a. Mengetahui pasti segala yang berkaitan dengan surah seperti *asbāb al-nuzūl*, zaman penurunan sama ada *makkiyyah* (permulaan, pertengahan atau akhir) atau *madaniyyah* (permulaan atau akhir), dan hadis-hadis sahih yang berkaitan.
- b. Mengetahui pasti matlamat asas surah. Ini dilakukan dengan memberi perhatian kepada penamaan surah, tema yang terdapat dalam surah atau melihat kepada fasa penurunan surah tersebut.
- c. Mengklasifikasikan surah – terutamanya yang panjang – kepada beberapa kelompok ayat.

Muṣṭafā Muslim (2000), memperkenalkan dua metode tafsir *mawḍūʿī* yang teliti. Metode pertama menekankan penerokaan tema-tema dalam al-Quran melalui langkah-langkah sistematik seperti pengumpulan ayat berkaitan dan analisis mendalam dengan mempertimbangkan kitab tafsir *taḥlīlī* dan hadis. Metode kedua memfokuskan pengenalan tema dalam surah-surah, melibatkan identifikasi konteks penurunan dan matlamat surah untuk mengklasifikasikan ayat-ayat. Kedua-dua metode ini menunjukkan pendekatan holistik, menggabungkan makna linguistik dengan aspek sejarah dan sosial serta meningkatkan pemahaman tafsir *mawḍūʿī*.

#### **2.4 Pendekatan Tafsir Mawḍūʿī al-Khālīdī**

Ulama tafsir *mawḍūʿī* seterusnya ialah Syeikh Ṣalāh ʿAbd al-Fattāh al-Khālīdī. Beliau merupakan seorang ulama tafsir *mawḍūʿī* yang mengemukakan langkah-langkah tafsir *mawḍūʿī* berserta dengan contoh secara terperinci bagi tiga jenis tafsir *mawḍūʿī* iaitu lafaz, tema dan surah.

Langkah-langkah pentafsiran *mawḍūʿī* lafaz yang dikemukakan oleh al-Khālīdī (2012) meliputi 10 langkah berikut: Pertama, memilih lafaz yang akan dikaji dalam al-Quran mengikut topik dan skop kajian. Kedua, mengekstrak kata dasar (*al-thulāthī*) daripada lafaz yang dipilih untuk memastikan konsistensi makna dalam bahasa dan istilah yang akan digunakan dalam langkah seterusnya. Ketiga, menjelaskan maksud kata dasar lafaz berdasarkan ensiklopedia utama seperti *Muʿjam Maqāyīs al-Lughah*, *Mufradāt al-fāz al-Qurʿān*, *Muʿjam Lisān al-ʿArab*, *ʿUmdat al-Ḥuffāz fī Tafsīr Ashrāf al-Alfāz*, dan *al-Kullīyyāt*. Keempat, mengeluarkan *musḥaq* dan *taṣrīf* bagi lafaz yang terdapat dalam al-Quran. Kelima, meneroka penggunaan lafaz dalam al-Quran dengan mengaitkan makna bahasa dengan konteks ayat. Keenam, menghubungkan makna lafaz dengan konteks ayat dan menjelaskan hubungan dan pengajaran ayat tersebut. Ketujuh, menyusun ayat-ayat berdasarkan tertib penurunan sama ada *Makki* atau *Madani* dan menjelaskan sebab turunnya ayat. Kelapan, menjelaskan tafsiran ayat berdasarkan rujukan kitab-kitab tafsir utama, seperti *Tafsīr Jāmiʿ al-Bayān fī Taʿwīl al-Qurʿān* oleh al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Kashshāf ʿan ḥaqāʾiq al-Tanzīl* oleh al-Zamakhsharī, *Tafsīr Mafātiḥ al-Ghayb* oleh al-Rāzī, *Tafsīr al-Qurʿān al-ʿAẓīm* oleh Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr* oleh Ibn ʿAshūr, dan *Tafsīr fī Zilāl al-Qurʿān* oleh Sayyid Quṭb. Kesembilan, menerangkan perkaitan antara lafaz dengan isu-isu kontemporari dan penyelesaian kepada masalah masyarakat. Kesepuluh, mengemukakan pengajaran dan kesimpulan daripada tafsiran ayat-ayat yang berkaitan dengan lafaz yang dipilih. Al-Khālīdī (2012), menekankan kepentingan memilih lafaz dan penjelasan makna mengikut tema yang ditentukan. Tema ditentukan berdasarkan lafaz dan perhatian utama diberikan kepada lafaz dan *musḥaq* (pecahan) lafaz.

Langkah-langkah yang dicadangkan oleh al-Khālīdī (2012) bagi pentafsiran tema *mawḍūʿī* terdiri daripada 10 langkah berikut: Pertama, pemilihan tema al-Quran yang hendak dipelajari dengan mengambil kira keluasan dan skopnya. Kedua, menjelaskan tujuan, kepentingan penyelidikan dan penyelesaian yang boleh ditawarkan untuk menyelesaikan masalah dalam masyarakat. Langkah ini merupakan langkah umum yang juga wujud dalam penyelidikan tafsiran yang lain dan tidak hanya tertumpu kepada pendekatan tafsiran *mawḍūʿī*. Ketiga, mengumpulkan ayat-ayat yang berkaitan dengan tema, sama ada melalui lafaz yang sama dengan tema, lafaz yang serupa dengan tema, atau lafaz yang mempunyai hubungan dengan tema. Keempat, menjelaskan pengertian lafaz berdasarkan sumber utama seperti *Muʿjam Maqāyīs al-Lughah*, *Mufradāt al-fāz al-Qurʿān*, *Muʿjam Lisān al-ʿArab*, *ʿUmdat al-Ḥuffāz fī Tafsīr Ashrāf al-Alfāz*, *al-Kullīyyāt al-Muʿjam*, dan *Muṣṭalahāt wa al-Furuq al-Lughawīyah*. Kelima, mengumpulkan ayat-ayat yang mempunyai lafaz dasar bagi tema, sama ada lafaz yang serupa atau

berkaitan. Juga memperhatikan pelbagai *ṣiḡhah*, *mushtaq*, dan *taṣrīf* lafaz yang berkaitan dengan tema. Keenam, menjelaskan sebab turun ayat, nasakh, qiraat yang sah, dan susunan ayat berdasarkan Makki dan Madani. Ketujuh, mentafsir ayat berdasarkan kitab tafsir utama seperti Tafsir al-Ṭabarī, al-Zamakhsharī, al-Rāzī, Ibn Kathīr, Ibn ʿAshūr, dan Sayyid Quṭb. Penjelasan mestilah merangkumi pandangan ma'thur, hadis-hadis sahih, serta pendapat sahabat, tabi'in, dan mufasir. Kelapan, menjelaskan hubungan antara sebutan atau tema dengan isu kontemporari dan penyelesaian kepada masalah masyarakat. Langkah ini sama dengan langkah kesembilan dalam pendekatan tafsir *mawḍūʿī* lafaz. Kesembilan, mengemukakan kesimpulan sebagai pengajaran daripada tafsiran ayat-ayat yang berkaitan dengan tema yang dipilih. Dalam langkah ini, penulis perlu membuat kajian yang terperinci dan mendalam sebelum menghasilkan pengajaran bagi pantun tersebut. Kesepuluh, menjalankan kajian tentang kajian kontemporari dan penyelidikan berkaitan tema. Penulis hendaklah meneliti kajian lain dan memberi perhatian kepada aspek-aspek baru yang telah dijalankan oleh penulis lain.

Selanjutnya, langkah-langkah pentafsiran surah *mawḍūʿī* yang dicadangkan oleh al-Khālidi (2012) merangkumi 11 langkah berikut: Pertama, menerangkan nama surah *tawqīfī* dan hikmah penamaannya serta menghubungkannya dengan tujuan utama surah. Kedua, menerangkan nama surah *ijtihādī* yang diberikan oleh ulama dan menghubungkannya dengan tema utama surah tersebut. Ketiga, menyatakan apakah surah itu *Makkī* atau *Madanī* untuk memahami ciri-ciri yang berkaitan dengan penurunan surah. Keempat, menjelaskan suasana turunnya surah sama ada pada awal, pertengahan, atau akhir dakwah Nabi Muhammad SAW. Kelima, menentukan makna asas surah melalui bacaan surah secara mendalam dan berulang-ulang. Keenam, menjelaskan latar belakang surah dan tema utama yang terkandung di dalamnya dengan menyebutkan ayat-ayat yang berkaitan. Ketujuh, menyatakan hubungan antara surah dengan surah sebelumnya. Kelapan, membahagikan surah kepada beberapa bahagian atau tema dengan pendahuluan dan penutup. Kesembilan, menerangkan pengajaran berdasarkan tema dengan menerangkan perkaitan antara ayat-ayat dalam setiap pengajaran. Kesepuluh, membuat rumusan berkaitan isu kontemporari untuk memberi penyelesaian kepada masalah dalam masyarakat. Kesebelas, mentafsir ayat berdasarkan kitab tafsir utama. Kesemua langkah ini disusun secara terperinci dan mengikut pendekatan tafsir surah *mawḍūʿī*.

Perbincangan bahagian pendekatan tafsir *mawḍūʿī* dalam penulisan tafsir membawa kepada rumusan bahawa para ulama tafsir seperti al-Farmāwī, al-Kūmmī, ʿAbd al-Sattār, Muṣṭafā Muslim dan al-Khālidi telah memperkenalkan berbagai jenis tafsir *mawḍūʿī*, termasuk tema, surah, dan lafaz. Setiap jenis tafsir ini mempunyai langkah-langkah khusus yang dibangunkan untuk memahami dan menafsirkan kandungan al-Quran. Sebagai contoh, al-Farmāwī mengemukakan langkah-langkah bagi dua jenis tafsir *mawḍūʿī* tema dan surah. Manakala al-Kūmmī menekankan kepentingan menyatukan topik dalam satu surah bagi mencapai kesatuan yang sempurna dengan matlamat yang sama. ʿAbd al-Sattār mencadangkan langkah-langkah *ijmālī* dan *tafsīlī* untuk pendekatan tafsir *mawḍūʿī* yang khusus, manakala al-Khālidi mencadangkan langkah-langkah terperinci untuk tafsir *mawḍūʿī* dalam tiga aspek iaitu lafaz, tema, dan surah. Kesemua langkah ini membantu pentafsir untuk memahami dan menjelaskan makna dan pengajaran yang terkandung dalam al-Quran.

## 2.5 Pendekatan Tafsir Tematik-Kontekstual Ziauddin Sardar

Ziauddin Sardar adalah seorang pemikir Muslim yang menafsirkan al-Quran secara tematik-kontekstual, dengan penjelasan yang sangat kritis. Tafsiran Sardar itu disampaikan dalam salah satu karyanya yang bertajuk *Reading the Quran: The Contemporary Relevance of the Sacred Text of Islam*. Tafsiran kontekstual Sardar menunjukkan bentuk operasi kaedah hermeneutik yang mengkontekstualisasikan lagi al-Quran (Ghozali, 2021).

Secara metodologi, tafsiran Ziauddin Sardar terpengaruh oleh dua teori utama, iaitu teori *double movement* (pergerakan berganda) Fazlur Rahman yang mengaitkan masa lalu dan masa kini, sifat normatif tradisi dan cabaran masyarakat Islam kontemporari (Anggoro, 2019), dan teori *ethico legal* (etika-perundangan) Abdullah Saeed yang berkaitan dengan teks ayat-ayat hukum (Haqqi, 2014). Selain itu, gaya hermeneutika pembebasan yang diperkenalkan oleh Farid Esack, iaitu mengubah paradigma penafsiran daripada teks kepada konteks, atau lebih tepat lagi, daripada wahyu secara mutlak kepada aspek kebebasan manusia (Permana, Zubaidi, Nuriz, Khakim, & Mumtazi, 2022). Paradigma ini dapat dirasakan dalam kontekstualisasi al-Quran menurut pandangan Ziauddin Sardar. Pendapat beliau tidak hanya terbatas pada penjelasan makna al-Quran, seperti yang biasa dilakukan oleh mufasir umumnya, tetapi juga mendalami substansi teks tersebut melalui kritikan sosial terhadap al-Quran dalam menghadapi pelbagai fenomena keagamaan kontemporari (Anggoro, 2019). Kesimpulannya, pendekatan ini mencerminkan usahanya dalam menyelami dimensi kritis dan kontekstual al-Quran dalam masyarakat moden dengan menggunakan kerangka kerja yang mendalam dan bermakna.

Secara umumnya terdapat beberapa persamaan dan perbezaan pendekatan tafsir *mawḍūʿī* ulama tafsir sama ada dari aspek jenis tafsir mahupun aplikasi pentafsiran. Jadual 1 berikut menunjukkan rumusan pendekatan tafsir *mawḍūʿī* ulama tafsir.

**Jadual 1**

*Pendekatan Tafsir Mawḍūʿī Ulama Tafsir*

Ulama Tafsir	Pendekatan Tafsir <i>Mawḍūʿī</i>
al-Farmāwī	Tema & surah
al-Kūmmī	Surah
ʿAbd al-Sattār	<i>Al-ʿām</i> & <i>Al-khāṣ</i> ( <i>ijmālī dan tafṣīlī</i> )
Muṣṭafā Muslim	Tema & surah
al-Khālīdī	Lafaz, tema & surah
Ziauddin Sadar	Tematik kontekstual

### 3. PENDEKATAN TAFSIR *MAWḌŪʿĪ* DALAM MENDEPANI ERA GLOBALISASI

Perbincangan dalam bahagian ini mengupas cabaran mendepani era globalisasi dari aspek akidah, pembangunan sosial dan kelestarian alam sekitar. Menurut pengkaji, dalam menghadapi era moden ini, tafsir *mawḍūʿī* boleh menjadi salah satu mekanisme bagi menjawab cabaran yang dihadapi oleh umat Islam.

Dalam menghadapi era globalisasi, pendekatan tafsir *mawḍūʿī* boleh diaplikasikan dalam isu akidah untuk memahami dan menyahut cabaran yang timbul. Sebagai contoh, dalam menghadapi perubahan pemikiran dan pengaruh pelbagai budaya, tafsiran *mawḍūʿī* dapat membantu umat Islam menguatkan iman mereka dengan memahami secara mendalam konsep akidah dalam al-Quran. Langkah-langkah yang boleh diambil seperti:

- Menganalisis ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan akidah, seperti ayat tauhid, risalah, dan hari akhirat (Anshory & Hafid, 2022). Dalam hal ini, tafsiran *mawḍūʿī* akan membantu memahami makna dan implikasi tauhid dengan mengambil kira konteks ayat, sejarah penurunannya, dan hubungannya dengan ayat-ayat lain.
- Menjelaskan konsep akidah dalam al-Quran dengan mengambil kira keperluan dan cabaran yang timbul dalam era globalisasi (Nadzrah, Sohirin, & Ahmad Nabil, 2021). Contohnya memberikan penjelasan tentang konsep tauhid sebagai asas akidah Islam dalam konteks pluralisme agama dan kebebasan beragama yang wujud dalam masyarakat dunia moden.
- Mentafsir ayat dengan mempertimbangkan perspektif kontemporari dan kaitan akidah dalam kehidupan seharian (Nadzrah et al., 2021). Ini membolehkan umat Islam menerapkan prinsip moral dalam pelbagai aspek kehidupan mereka, seperti dalam aspek sosial, ekonomi dan politik.
- Mengenal pasti salah faham atau bidaah yang mungkin timbul di era globalisasi dan memberikan penjelasan yang benar berdasarkan akidah yang terkandung dalam al-Quran (Said & Funk, 2002). Sebagai contoh, memberikan penjelasan yang sesuai tentang konsep seperti jihad, kesaksamaan gender, dan hak asasi manusia dalam konteks yang sesuai dengan kepercayaan Islam. Melalui pendekatan tafsir *mawḍūʿī* ini, umat Islam dapat memantapkan akidah mereka dalam menangani cabaran globalisasi dengan memahami prinsip akidah yang dinyatakan dalam al-Quran dan menggunakannya dalam konteks zaman yang sentiasa berubah.

Pendekatan tafsir *mawḍūʿī* dalam menghadapi era globalisasi bagi isu pembangunan sosial boleh dilaksanakan dengan mengaitkan nilai dan prinsip Islam dalam tafsiran ayat-ayat al-Quran berkaitan pembangunan sosial. Sebagai contoh, dalam surah al-Ḥujurāt [49] ayat 13. Ayat tersebut menyatakan bahawa tujuan penciptaan manusia adalah untuk mengenali dan berinteraksi antara satu sama lain. Menurut Ibn Kathīr (2000), supaya manusia saling kenal-mengenal dalam konteks kabilah dan masyarakat masing-masing dan yang membezakan manusia bukanlah darjat keturunan tetapi ketakwaan di sisi Allah SWT.

Kajian sosiologi moden terbuka kepada perubahan dan keadilan sosial yang melibatkan berbagai struktur seperti kemiskinan, hak asasi manusia, pendidikan, penjagaan kesihatan, jantina, alam sekitar, dan isu sosiobudaya. Sejar dengan nilai-nilai kemanusiaan, oleh itu dalam konteks kajian ini, ia dikaitkan dengan isu-isu seperti kemiskinan, pendidikan, penjagaan kesihatan, budaya sosial, hukum, dan jantina (Jusuf, 2007). Dalam konteks pembangunan sosial dalam era globalisasi, tafsiran *mawḍūʿī* dapat menekankan kepentingan saling menghormati, menghargai, dan kerjasama antara budaya dalam mencapai kemajuan sosial yang adil dan inklusif.

Selain itu, pendekatan tafsir *mawḍū'ī* boleh melibatkan kajian tentang undang-undang sosial dalam Islam yang relevan dengan isu pembangunan sosial. Sebagai contoh, tafsiran ayat-ayat al-Quran mengenai perkara seperti zakat, sedekah, dan keadilan sosial boleh digunakan untuk membangunkan kaedah pembangunan sosial yang membantu golongan yang memerlukan di dunia moden. Dasar sosial berkaitan dengan pembangunan sosial memberikan maksud yang sama apabila istilah *sosial* digunakan dalam erti kata yang sempit dan luas. Dalam erti kata yang sempit, istilah sosial merujuk kepada sektor kebajikan masyarakat yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup manusia, terutamanya mereka yang dikategorikan sebagai kumpulan yang kurang bernasib baik. Sementara itu, dalam erti kata yang lebih luas, istilah sosial merangkumi seluruh bidang pembangunan sosial yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup manusia secara menyeluruh (Jusuf, 2007).

Seterusnya, pendekatan tafsir *mawḍū'ī* dalam menangani isu pembangunan sosial dalam era globalisasi juga boleh mempertimbangkan perkembangan teknologi dan komunikasi yang merupakan sebahagian daripada globalisasi (Danuri, 2019). Pengkaji merumuskan pemahaman tentang ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan pengagihan sumber, keadilan ekonomi, dan penggunaan kekayaan boleh menjadi panduan untuk pembangunan sosial yang mampan, inklusif, dan bertanggungjawab di era digital. Para cendekiawan Islam boleh membangunkan kefahaman dan penyelesaian untuk isu pembangunan sosial dalam era globalisasi dengan menggunakan pendekatan tafsir *mawḍū'ī*.

Selanjutnya, pendekatan tafsir *mawḍū'ī* dalam menghadapi era globalisasi bagi isu pemeliharaan alam sekitar boleh dijalankan dengan merujuk kepada ayat-ayat al-Quran yang menekankan kepentingan menjaga dan menjaga alam sekitar. Sebagai contoh, dalam surah al-A'raf [7] ayat 56, Allah SWT menyebut bahawa Dia telah menciptakan bumi dan segala isinya untuk memanfaatkannya dengan sebaik-baiknya serta larangan melakukan kerosakan di bumi setelah Allah mengurniakan segala bentuk kebaikan padanya. Dalam konteks ini, tafsiran *mawḍū'ī* boleh menekankan kepentingan mengekalkan keseimbangan ekosistem, mengurangkan pencemaran, dan menggunakan sumber alam secara bertanggungjawab (Jamilah, Mustafa, Abd Hamid, & Abdul Wahab, 2011).

Selain itu, tafsir *mawḍū'ī* juga dapat memperhatikan ayat-ayat yang membicarakan tentang kewajiban manusia sebagai khalifah di muka bumi. Sebagai contoh, dalam surah al-Baqarah [2] ayat 30, Allah SWT menyebut bahawa Dia menjadikan manusia sebagai khalifah-Nya di bumi. Pendekatan tafsiran *mawḍū'ī* dalam era globalisasi boleh mentafsirkan ini sebagai tanggungjawab manusia untuk menjadi pelindung dan pengurus alam sekitar yang baik, mengelakkan eksploitasi berlebihan, dan menggalakkan amalan mampan (Ibrahim, 2004; Norkhaidi, Mahat, & Hashim, 2021). Tambahan pula, isu kelestarian alam sekitar dalam era globalisasi juga boleh mengambil kira perspektif sosial dan ekonomi. Sebagai contoh, ayat 267 dalam surah al-Baqarah [2] yang membincangkan keadilan dan kesaksamaan dalam pengagihan sumber dapat memberikan hala tuju dalam membina model pembangunan yang mampan, adil dan mesra alam.

Cendekiawan Muslim boleh mengkaji prinsip dan hikmah al-Quran tentang kelestarian alam sekitar dengan menggunakan pendekatan tafsir *mawḍū'ī*. Oleh itu, menurut pengkaji ini membolehkan kesedaran dan usaha bersama untuk melindungi alam sekitar, mengurangkan kesan negatif manusia terhadap alam semula jadi, dan menggalakkan gaya hidup yang mesra alam dan mampan di era globalisasi. Justeru, pendekatan tafsiran *mawḍū'ī* dalam menghadapi era globalisasi menawarkan pemahaman yang relevan dan kontekstual tentang isu-isu akidah, pembangunan sosial, dan kelestarian alam sekitar. Dalam konteks akidah, tafsir *mawḍū'ī* boleh digunakan untuk mengupas ayat-ayat al-Quran yang menekankan prinsip keimanan, membantu orang ramai mempertahankan akidah mereka dalam menghadapi cabaran dan kesan buruk era globalisasi, dan membina kefahaman yang inklusif dan toleran terhadap perbezaan akidah.

Tafsiran *mawḍū'ī* membolehkan pemahaman menyeluruh dan mampan tentang tanggungjawab sosial dan manusia dalam menangani perubahan sosial yang disebabkan oleh globalisasi. Penafsiran *mawḍū'ī* dapat menghubungkan ayat-ayat al-Quran yang berbicara tentang keadilan (al-Nisā' [4] ayat 135) dan kesejahteraan sosial (Saba' [34] ayat 15) dengan upaya membangun masyarakat yang adil. HAMKA (2007), dalam tafsirnya mengupas negeri yang aman dan baik adalah negeri yang masyarakatnya semakin mendekati diri kepada Tuhan, diampuni dosanya dan tidak melupakan Tuhan.

Dalam isu kelestarian alam sekitar, pendekatan tafsiran *mawḍū'ī* menyediakan asas rohani dan etika yang kukuh untuk pemahaman dan tanggungjawab manusia dalam melindungi dan menjaga alam sekitar. Penafsiran *mawḍū'ī* dapat mengupas ayat-ayat al-Quran yang menekankan pentingnya melestarikan alam (al-Zukhruf [43] ayat 32), memandang bumi sebagai amanah (al-A'raf [7] ayat 56), dan mengajak manusia bertindak sebagai khalifah yang bertanggung jawab atas ciptaan Tuhan (al-Rūm [30] ayat 41; al-Baqarah [2] ayat 205). Tafsiran *mawḍū'ī* boleh memberi inspirasi kepada usaha kolektif untuk meningkatkan kesedaran tentang alam sekitar, memperjuangkan keadilan alam sekitar, dan mengemukakan penyelesaian yang mampan untuk

melindungi alam sekitar untuk generasi akan datang dalam dunia yang semakin berkembang (Abdul Halim & Mat Akhir, 2016).

Tuntasnya, pendekatan tafsir *mawḍū'ī* juga menyediakan asas yang kukuh untuk menangani isu-isu akidah, pembangunan sosial, dan kelestarian alam sekitar dalam era globalisasi. Pendekatan ini mendorong orang Islam untuk meningkatkan iman mereka dan memahami prinsip Islam yang berkaitan dengan isu-isu ini kerana ia mengambil kira ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan iman, nilai-nilai sosial, dan tanggungjawab manusia terhadap alam sekitar. Oleh itu, pengkaji mendapati dalam konteks pembangunan sosial dan kelestarian alam sekitar, pendekatan ini memudahkan pemikiran yang holistik, adil dan mesra alam, yang mampu memberikan penyelesaian kepada cabaran era globalisasi yang semakin kompleks.

#### 4. KESIMPULAN

Dalam mengakhiri artikel ini dapat disimpulkan bahawa pendekatan tafsir *mawḍū'ī* adalah satu metodologi penting yang telah digunakan oleh tafsir ulama, seperti al-Farmāwī, al-Kūmmī, 'Abd al-Sattār, Muṣṭafā Muslim, al-Khālīdī dan Ziauddin Sardar untuk menghasilkan tafsir yang berfokus pada tema-tema tertentu dalam al-Quran. Pendekatan ini telah membantu memahami dan menggali makna yang lebih mendalam dalam teks suci al-Quran. Di era globalisasi ini, pendekatan tafsir *mawḍū'ī* masih relevan dan bahkan lebih penting kerana ia membolehkan pemahaman yang lebih baik tentang isu-isu kontemporari seperti akidah, pembangunan sosial, dan kelestarian alam sekitar dalam konteks nilai-nilai Islam. Oleh itu, artikel ini memberikan pandangan yang jelas tentang betapa pentingnya pendekatan tafsir *mawḍū'ī* dalam menghadapi cabaran-cabaran globalisasi.

Selain itu, penelitian ini juga menggariskan potensi pendekatan tafsir *mawḍū'ī* untuk memberikan panduan dan solusi terhadap isu-isu sosial yang semakin mendalam dalam masyarakat global hari ini. Ia membuktikan bahawa pendekatan ini bukan sahaja relevan dalam konteks tradisi intelektual Islam, tetapi juga relevan dalam mengatasi cabaran-cabaran sosial yang dihadapi oleh umat manusia secara meluas. Oleh itu, di era globalisasi yang kompleks ini, pendekatan tafsir *mawḍū'ī* seharusnya terus dipertimbangkan sebagai satu sumber penting dalam memahami dan mengejar keadilan sosial, ketakwaan agama, dan pelestarian alam sekitar dalam masyarakat global yang semakin kompleks dan berubah dengan cepat.

#### 5. PENGHARGAAN

Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Program Studi Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir, Fakultas Ushuluddin, UIN Sulthan Syarif Kasim, Riau, Indonesia.

#### RUJUKAN

- 'Abd al-Sattār, S. F. (1991). *al-Madkhal ilā al-tafsīr al-mawḍū'ī*. Kaheerah: Dār al-Tawzī' wa al-Nashr al-Islāmiyyah.
- al-'Awājī, M. 'A. (2018). *Al-Tafsīr al-Mawḍū'ī al-muyassar li al-Fātihah wa qaṣar al-mufaṣṣal*. Madinah, KSA: Dār al-'Aqīdah.
- Abdul Halim, 'I, & Mat Akhir, N. S. (2016). Tafsir ayat-ayat al-Quran berkenaan penjagaan alam sekitar dan analisis isu-isu alam sekitar di Malaysia. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 18(1), 91-130. <https://doi.org/10.22452/afkar.voll8no1.3>.
- Abu Bakar, S., Hussin, H. & Wan Abdullah, W. N. (2019). Analisis perkembangan penulisan tafsir maudu'i di Malaysia. *Al-Irsyad: Journal Of Islamic And Contemporary Issues*, 4(2), 142-153. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i2.62>.
- Abu Bakar, S., Hussin, H. & Wan Abdullah, W. N. (2023). *Penulisan tafsir mawḍū'ī di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.

- Ammar, F. (2004). An analysis of historical development of tafsir mawdui. *Jurnal Usuluddin*, 20, 89-104. Diperolehi daripada <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/download/4212/2059/10236>.
- Anggoro, T. (2019). Tafsir al-Quran kontemporer: Kajian atas tafsir tematik-kontekstual Ziauddin Sardar. *AL QUDS: Jurnal Studi Alquran dan Hadis*, 3(2), 199-220. <http://dx.doi.org/10.29240/alquds.v3i2.1049>.
- Anshory, M. I. & Hafid, M. S. (2022). Nilai-nilai pendidikan akidah dalam QS. Asy-Syu'ara. *Mumtaz: Jurnal Studi Al-Qur'an dan Keislaman*, 6(2), 252-268. <https://doi.org/10.36671/mumtaz.v6i02.406>.
- Danuri, M. (2019). Perkembangan dan transformasi digital. *Infokam*, 15(2), 116-123. <https://doi.org/10.53845/infokam.v15i2.178>.
- El-Mesawi, M. E. (2005). The methodology of al-tafsir al-mawdu'i: A comparative analysis. *Intellectual Discourse*, 13(1), 1-30. Diperolehi daripada <http://journals.iium.edu.my/intdiscourse/index.php/islam/article/view/118/98>.
- al-Farmāwī, A. H. (1977). *al-Bidāyah fī al-tafsīr al-mawḍū'ī: Dirāsah manhajiyah mawḍū'iyah*. Kaherah: Maktabah Jumhūriyat Miṣr.
- al-Ghazālī, M. (2000). *Naḥw tafsīr mawḍū'ī li suwar al-Qur'ān*. Kaherah: Dār al-Shurūq.
- Ghozali, M. (2021). *Metodologi penafsiran Ziaudin Sardar (studi atas buku Reading the Qur'an: The contemporary relevance of the sacred text of Islam)* (Tesis Doktor Falsafah, Tidak diterbitkan), UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta. Diperolehi daripada <http://digilib.uin-suka.ac.id/id/eprint/46490>.
- al-Hamidy, A. Q. U. U. (2018). Penulisan al-Quran dengan rasm Uthmani di antara tawqif dan ijtihad. *Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 14(2), 116-131. <http://dx.doi.org/10.33102/jmqqs.v14i2.132>.
- HAMKA. (2007). *Tafsir al-Azhar*. Singapore: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Haqqi, M.N. (2014). Ethico-legal texts dan hierarchy of values Abdullah Saeed: Sebuah kritik epistemologi hukum Islam. Dlm. Zain, M., Ilyasin. M. & Mustakim (Pnyt.), *Proceedings of the Annual International Conference on Islamic Studies*, Indonesia: STAIN Samarinda.
- Hidayatulloh, M. K. (2018). Konsep dan metode tafsir tematik (studi komparasi antara al-Kumi dan Mushthofa Muslim. *Al-Bayan: Jurnal Studi Al-Quran dan Tafsir*, 3(2), 130-142. <https://doi.org/10.15575/al-bayan.v3i2.4116>.
- Ibn Kathīr, A. F. I. (2000). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Jil. 8. t.tp: Dār Ibn Ḥazm.
- Ibrahim, R. (2004). Promoting environmental literacy in Malaysian society-challenges and opportunities. *Jurnal Pengajian Umum*, 5(1), 51-62. Diperolehi daripada [http://journalarticle.ukm.my/1724/1/malim\\_v.5\\_4\\_2004.pdf](http://journalarticle.ukm.my/1724/1/malim_v.5_4_2004.pdf).
- Jamilah, A., Mustafa, H., Abd Hamid, H., & Abdul Wahab, J. (2011). Pengetahuan, sikap dan amalan masyarakat Malaysia terhadap isu alam sekitar. *Akademika*, 81(3), 103-115. Diperolehi daripada <http://journalarticle.ukm.my/3654>.
- Jusuf, C. (2007). Filantropi modern untuk pembangunan sosial. *Jurnal Penelitian dan Pengembangan Kesejahteraan Sosial*, 12(1), 74-80. <https://doi.org/10.33007/ska.v12i1.621>.
- al-Khālīdī, S. A. (2012). *al-Tafsīr al-mawḍū'ī bayna al-naẓariyyah wa al-taṭbīq*. Jordan: Dār al-Nafā'is.
- al-Kūmmī, M. S. & Yūsuf Qāsim, M. A. (1982). *al-Tafsīr al-mawḍū'ī li al-Qur'ān al-Karīm*. Kaherah: Dār al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islāmiyyah.

- Lilik, U. K. (2011). Studi kritis atas metode tafsir tematis al-Quran. *ISLAMICA*, 5(2), 354-366. <https://doi.org/10.15642/islamica.2011.5.2.354-366>.
- Muslim, M. (2000). *Mabāḥith fī al-Tafsīr al-Mawḍūʿī*. t.tp.: Dār al-Qalam.
- Muyasaroh, L. (2015). *Metode maudu'i dalam tafsir al-Qur'an: Studi perbandingan atas pemikiran Muhammad Baqir al-Sadr dan Abdul Hayy al-Farmāwī*, (Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Tidak diterbitkan), Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, Indonesia. Diperolehi daripada <http://digilib.uin-suka.ac.id/15969>.
- Nadzrah, A., Sohirin, M. S., & Ahmad Nabil, A. (2021). Analisa ringkas tentang isu-isu akidah dalam Tafsir al-Quran al-Karim. *International Journal of al-Quran and Knowledge (IJQK)*, 1(1), 22-36. Diperolehi daripada <http://ejurnal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/article/view/11>.
- Norkhaidi, S. B., Mahat, H., & Hashim, M. (2021). Environmentally-literate citizenry among Malaysian youth to produce responsible environmental behaviour. *Akademika*, 91(1), 97-107. <https://doi.org/10.17576/akad-2021-9101-08>.
- Permana, R. F., Zubaidi, S., Nuriz, M. A. F., Khakim, U., & Mumtazi, F. (2022). Hermeneutika pembebasan Farid Esack dari perspektif revolusi ilmiah Thomas Kuhn. *AL QUUDS: Jurnal Studi Alquran dan Hadis*, 6(3), 1237-1258. <https://doi.org/10.29240/alquds.v6i3.4244>.
- Said, A. A. & Funk, N. C. (2002). The role of faith in cross-cultural conflict resolution. *Peace and Conflict Studies*, 9(1), 37-50. <https://doi.org/10.46743/1082-7307/2002.1022>.
- Yamani, M. T. (2015). Memahami al-Qur'an dengan metode tafsir maudhu'i. *J-PAI*, 1(2), 273-292. <https://doi.org/10.18860/jpai.v1i2.3352>.

#### Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

